NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 36<br>No. 23 | 5hb November 1992 | *TAMBAHAN No. 15*<br>*PERUNDANGAN* |


J. P.U. 45.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 17 Akta Kerajaan Tempatan 1976, semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor yang diisytiharkan menurut seksyen

J. P.U. 45.

# AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

## KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR 1992

[illegible] PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 17 Akta Kerajaan Tempatan 1976, semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor yang diisytiharkan menurut seksyen

3 Akta tersebut, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Johor, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

*Nama.*

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor 1992.

*Penubuhan Lembaga*

2. Maka adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (kemudian daripada ini disebutkan sebagai "Lembaga") yang mengandungi ahli-ahli sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

*Tugas-tugas Lembaga*

3. Lembaga adalah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan tugas-tugasnya di dalam perkara-perkara berhubung dengan tatatertib atas semua orang yang menjadi anggota sesuatu Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor.

*Mesyuarat Lembaga.*

4. Lembaga adalah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan mesyuarat pada suatu tarikh, tempat dan masa mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi.

*Undi.*

5. Segala masalah yang berbangkit di dalam mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi dan jika sekiranya bilangan undi itu sama banyak, Pengerusi adalah berhak memberi undi pemutus.

*Minit-minit.*

6. Pengerusi hendaklah bertanggungjawab menyimpan rekod-rekod mengenai semua mesyuarat Lembaga.

*Dasar-dasar dan prosedur perjalanan Lembaga*

7. Pada menjalankan tugas-tugas di bawah Kaedah-kaedah ini, Lembaga hendaklah mematuhi dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang dinyatakan atau ditetapkan di dalam Perintah-perintah Am atau lain-lain perintah pentadbiran atau arahan yang pada masa ini dikeluarkan dengan sahnya dan berkuatkuasanya.

*Peluang untuk membela diri.*

8. Dengan tidak menyentuh peruntukan kaedah 7, tiada apa-apa jua perintah untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat mana-mana pegawai yang ke atasnya Lembaga mempunyai bidang kuasa boleh diperbuat oleh Lembaga dalam sesuatu penyiasatan melainkan pegawai-pegawai itu telah diberitahu dengan bertulis tentang alasan-alasan yang Lembaga itu bercadang hendak mengambil tindakan dan telah diberi peluang yang berpatutan untuk membela dirinya.

*Penyiasatan oleh seseorang atau sekumpulan orang lain*

9. Sebelum membuat sesuatu keputusan, Lembaga boleh, dalam hal yang tertentu, menghendaki supaya suatu penyiasatan atau sebahagian daripada sesuatu penyiasatan itu dijalankan oleh seorang atau sekumpulan orang lain bagi maksud mendapatkan apa-apa syor mengenai apa-apa perkara yang difikirkan perlu oleh Lembaga.

*Lembaga Rayuan.*

10. (1) Bagi maksud Kaedah-kaedah ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (di dalam kaedah ini disebutkan sebagai "Lembaga Rayuan Tatatertib") yang mengandungi ahli-ahli sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Tugas-tugas Lembaga Rayuan Tatatertib ialah untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Kaedah-kaedah ini mengenai apa-apa keputusan Lembaga itu berhubung dengan tatatertib seseorang pegawai dalam perkhidmatan yang disebutkan di bawah kaedah 3 yang ke atasnya Lembaga mempunyai bidang kuasa.

Rayuan.

11. Sesiapa juga yang tidak berpuas hati atas keputusan Lembaga bolehlah merayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuh di bawah kaedah 10.

Prosedur bagi Lembaga Rayuan.

12. (1) Sesuatu rayuan hendaklah diperbuat dengan bertulis oleh seseorang yang tersebut di atas (kemudian daripada ini disebutkan sebagai "Perayu") kepada Lembaga Rayuan Tatatertib melalui Ketua Jabatannya. Rayuan itu hendaklah diperbuat kepada Ketua Jabatannya dalam tempoh 14 hari mulai daripada tarikh penyampaian kepadanya keputusan bertulis yang terhadapnya rayuan itu hendak diperbuat. Ketua Jabatan itu hendaklah menghantar rayuan itu bersama-sama dengan ulasan-ulasannya kepada Lembaga dengan secepat mungkin.

(2) Apabila menerima rayuan di bawah kaedah 11, Pengerusi Lembaga, atau sekiranya Pengerusi itu tidak ada, ahli yang diwakilkan oleh Pengerusi itu untuk berbuat demikian hendaklah menyebabkan supaya disediakan rekod-rekod atau suatu ringkasan rekod-rekod mengenai perjalanan tindakan Lembaga dan kenyataan yang menerangkan alasan-alasan yang menurutnya Lembaga itu telah mencapai keputusannya.

(3) Rekod-rekod atau ringkasan rekod-rekod dan alasan-alasan keputusan itu hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan Tatatertib tidak lewat daripada 30 hari mulai daripada tarikh rayuan itu diterima oleh Lembaga.

Perbicaraan Rayuan.

13. (1) Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib itu hendaklah memanggil suatu mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib untuk menimbangkan rayuan itu.

(2) Lembaga Rayuan Tatatertib hendaklah memutuskan sesuatu rayuan itu dengan semata-mata berdasarkan atas keputusan alasan-alasan rayuan itu sahaja dengan tidak menerima apa-apa kenyataan atau keterangan selanjut:

Dengan syarat bahawa Lembaga Rayuan Tatatertib dengan tertakluk kepada hak Perayu untuk membela diri boleh mengikut budi bicaranya semata-mata, meminta apa-apa pernyataan atau keterangan daripada sesiapa jua pun jika Lembaga Rayuan Tatatertib itu berpendapat bahawa adalah adil dan saksama untuk berbuat demikian.

(3) Lembaga Rayuan Tatatertib selepas menimbangkan rayuan itu, boleh merujukkan kes itu kepada Lembaga untuk perbicaraan semula atau boleh mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga.

(4) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib adalah muktamad.

Prosedur-prosedur Lembaga Rayuan.

14. (1) Prosedur-prosedur yang diperbuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor bagi maksud mengawal prosedurnya yang berkuatkuasa pada masa itu hendaklah dipakai kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuh di bawah kaedah 10 dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu seolah-olah prosedur-prosedur itu menjadi sebahagian daripada Kaedah-kaedah ini.

(2) Peruntukan Kaedah-kaedah ini berhubung dengan pengundian dan minit mesyuarat berkenaan dengan Lembaga hendaklah dipakai kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuh di bawah kaedah 10 dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu dan dalam peruntukan yang tersebut di atas itu rujukan mengenai Pengerusi hendaklah diertikan sebagai rujukan mengenai Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah kaedah 10 dan rujukan mengenai ahli-ahli Lembaga hendaklah diertikan sebagai rujukan mengenai ahli-ahli Lembaga Rayuan Tatatertib.

15. (1) Tiada apa-apa jua pun dalam kaedah-kaedah ini boleh menyentuh apa-apa perbuatan yang dilakukan atau langkah-langkah perbicaraan yang dimulakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebelum kaedah-kaedah ini mula berkuatkuasa, dan semua perbuatan dan langkah pembicaraan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan atau dimulakan oleh Lembaga atau Lembaga Rayuan Tatatertib seolah-olah kaedah-kaedah ini telah berkuatkuasa. Kecualian

(2) Tiada apa-apa jua pun dalam kaedah-kaedah ini boleh disifatkan sebagai menyentuh atau menghapuskan apa-apa kuasa, keistimewaan, atau perlindungan yang diberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

JADUAL PERTAMA

KEANGGOTAAN LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR

(Kaedah 2)

Ahli-ahli Lembaga ialah seperti berikut:

(i) Bagi Majlis Perbandaran Johor Bahru:

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | – | Timbalan Yang Dipertua |
| Ahli | – | Setiausaha Majlis Perbandaran |
| Ahli | – | Ketua Bahagian |

(ii) Bagi Majlis-majlis Daerah:

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | – | Yang Dipertua Majlis Daerah yang berkenaan |
| Ahli | – | Setiausaha Majlis Daerah yang berkenaan |
| Ahli | – | Ketua Bahagian |

JADUAL KEDUA

KEANGGOTAAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

(Kaedah 10)

Ahli-ahli bagi Lembaga Rayuan Tatatertib bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor ialah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | – | Setiausaha Kerajaan Johor |
| Ahli | – | Penasihat Undang-Undang Negeri Johor |
| Ahli | – | Pegawai Kewangan Negeri Johor atau Pengarah Tanah dan Galian, Johor |
| Setiausaha | – | Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Perkhidmatan Negeri Johor |

Diperbuat pada 18hb November 1981.
[SUKJ. CP. 154/4/1: PUNJ. 105 (UK).]

ABDUL MALICK BIN AWANG,
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,*
*Johor*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### JOHOR STATE LOCAL AUTHORITY SERVICE DISCIPLINARY BOARD REGULATIONS 1992

IN exercise of the powers conferred by subsection (1) of section 17 of the Local Government Act 1976, all the Local Authorities in the State of Johor which are declared pursuant to section 3 of the

said Act, with the approval of the State Authority of Johor, make the following regulations:

Citation.

1. These regulations may be cited as the Johor State Local Authority Service Disciplinary Board Regulations 1992.

Establishment of the Board.

2. There is hereby established the Johor State Local Authority Service Disciplinary Board (hereinafter referred to as "the Board") constituting of members specified in the First Schedule.

Functions of the Board.

3. The Board shall have jurisdiction and shall exercise its functions in matters relating to discipline over all persons who are members of a Local Authority Service in the State of Johor.

Meeting of the Board.

4. For the purpose of exercising its functions aforesaid the Board shall meet on such date and at such place and time as the Chairman may determine.

Voting.

5. All questions raised at the meeting of the Board shall be decided by a majority of votes and in the event of an equality of votes the Chairman shall have a casting vote.

Minutes.

6. The Chairman shall cause to be kept records of all meetings of the Board.

Principles and procedure of working of Board.

7. In the exercise of its functions under these Regulations, the Board shall abide by the principles and procedure set out or prescribed in the General Orders or such other administrative orders or directions for the time being lawfully issued and in force.

Opportunity of being heard.

8. Without prejudice to the provisions of regulation 7, no order to dismiss or reduce in rank any officer over whom it has jurisdiction shall be made by the Board in any inquiry unless such officer has been informed in writing of the grounds on which it is proposed to take action and has been afforded reasonable opportunity of being heard.

Inquiry by another person or body.

9. Before making any decision, the Board may, in any special case, require an inquiry or part of any inquiry to be conducted by another person or body of persons for the purpose of obtaining any recommendations in respect of any matter which the Board considers necessary.

Appeal Board.

10. (1) For the purpose of these regulations, there is hereby established the Johor State Local Authority Service Disciplinary Appeal Board (in this regulation referred to as "the Disciplinary Appeal Board") constituting of members specified in the Second Schedule.

(2) The function of the Disciplinary Appeal Board shall be to receive, consider and decide on any appeal made with respect to any decision of the Board relating to the discipline of an officer in the service referred to under regulation 3 over whom the Board has jurisdiction.

Appeal.

11. Any person aggrieved by the decision of the Board may appeal to the Disciplinary Appeal Board constituted under regulation 10.

Procedure of the Appeal Board.

12. (1) An appeal shall be made in writing by a person (hereinafter referred to as "the Appellant") to the Disciplinary Appeal Board through his Head of Department. Such appeal shall be made to his Head of Department within 14 days from the date on which the decision to be appealed against is communicated to him in writing. The Head of Department shall submit the appeal together with his comments to the Board as early as possible.

(2) On receipt of the appeal under regulation 11, the Chairman of the Board or in the absence of the Chairman the member delegated by the Chairman so to do shall cause to be prepared records or a summary of the records of the proceedings of the Board and the statement setting out the grounds on which the Board arrived at its decision.

(3) Such record or summary of such records and the grounds of decision shall be sent to the Disciplinary Appeal Board not later than 30 days from the receipt of the appeal by the Board.

Hearing of appeal.

13. (1) The Chairman of the Disciplinary Appeal Board shall convene a meeting of the Disciplinary Appeal Board to consider the appeal.

(2) The Disciplinary Appeal Board shall decide an appeal solely on the merits of the grounds of the appeal alone without receiving any further statement or evidence:

Provided that the Disciplinary Appeal Board subject to the Appellant's right of being heard may at its sole discretion call for any statement or evidence from any person if it is of the opinion that it would be fair and just so to do.

(3) The Disciplinary Appeal Board after considering the appeal may remit the case to the Board for rehearing, confirm or vary the decision of the Board.

(4) The decision of the Disciplinary Appeal Board shall be final.

Rules of procedure of appeal Board.

14. (1) The rules made by the Johor State Local Authority for the purpose of regulating its procedure for the time being in force shall apply to the Disciplinary Appeal Board constituted under regulation 10 with such modifications as may be necessary as if such rules form part of these Regulations.

(2) The provisions of these Regulations relating to meetings, voting and minutes in respect of the Board shall apply to the Disciplinary Appeal Board constituted under regulation 10 with such modifications as may be necessary; and in the provisions aforesaid reference to the Chairman shall be construed as reference to the Chairman of the Disciplinary Appeal Board constituted under regulation 10 and references to members of the Board shall be construed as references to members of such Disciplinary Appeal Board.

Saving.

15. (1) Nothing in these Regulations shall affect any act done or proceedings commenced by the Johor State Local Authority before the commencement of these Regulations; and all such act and proceedings shall be deemed to have been done or commenced by the Board or the Disciplinary Appeal Board as if these Regulations had been in force.

(2) Nothing in these Regulations shall be deemed to affect or take away any of the powers, privileges or protection conferred upon or accorded to the Johor State Local Authority.

## FIRST SCHEDULE

### COMPOSITION OF THE JOHOR STATE LOCAL AUTHORITY SERVICE DISCIPLINARY BOARD

(Regulation 2)

The members of the Board shall be as follows:

(i) For the Johor Bahru Municipal Council:

Chairman — Deputy President

| | | |
|---|---|---|
| Member | – | Secretary, Johor Bahru Municipal Council |
| Member | – | Head of Division |

(ii) For the District Councils:

| | | |
|---|---|---|
| Chairman | – | President of the appropriate District Council |
| Member | – | Secretary of the appropriate District Council |
| Member | – | Head of Division |

## SECOND SCHEDULE

### COMPOSITION OF THE DISCIPLINARY APPEAL BOARD

(Regulation 10)

Members of the Disciplinary Appeal Board of the Johor State Local Authority Service shall be as follows:

| | | |
|---|---|---|
| Chairman | – | State Secretary, Johor |
| Member | – | State Legal Adviser, Johor |
| Member | – | State Financial Officer, Johor |
| | | or |
| | – | Director of Lands and Mines, Johor |
| Secretary | – | Chief Assistant Secretary, Service Branch, Johor |

Made the 18th November 1981.
[SUKJ.CP. 154/4/1: PUNJ. 105 (UK).]

ABDUL MALICK BIN AWANG,
*Clerk of the State Executive Council,*
*Johor*

DICETAK OLEH HUSSIN BIN SAMAH, P.J.K., PENGARAH CAWANGAN, JABATAN PERCETAKAN NEGARA, JOHOR BAHRU